

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS SIRI CERAMAH TAHUNAN
Lokasi : HOTEL HOLIDAY INN CITY CENTRE, KUALA LUMPUR
Tarikh : 11-09-1987

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk (Dr.) Haji Arshad bin Ayub;

Dif-Dif Kehormat;

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian;

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Persatuan Siswazah Wanita kerana menjemput saya untuk memberi sepatah dua kata di Majlis ini.

2. Sebagai Penaung, saya sentiasa mengikuti kegiatan dan kemajuan yang dicapai oleh Persatuan Siswazah Wanita Malaysia. Saya perhatikan bahawa dalam tahun ini beberapa kegiatan telah disusun, terutama yang bersifat membincang dan mendalami persoalan-persoalan semasa. Sesungguhnya, negara kita amat memerlukan para cerdik-pandainya sentiasa berfikir dan berusaha mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat.

3. Ini penting bagi cerdik-pandai daripada golongan wanita. Ada setengah-setengah pihak memperkecilkan peranan wanita. Tetapi kita semua tahu bahawa kejayaan sesebuah masyarakat bergantung bukan kepada kaum lelaki sahaja, atau kaum wanita sahaja, tetapi adalah hasil daripada usahasama kaum lelaki dan wanita. Mundurnya kaum wanita maka mundurlah masyarakat sesuatu negara.

4. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa Persatuan Siswazah Wanita Malaysia dan juga pertubuhan-pertubuhan lain yang dianggotai oleh wanita, supaya terus berusaha, terus bergiat dan terus membincang dan membahaskan apa juga isu yang menyentuh kebajikan dan kesejahteraan kaum wanita keseluruhannya, demi kebaikan bersama.

5. Peranan wanita dalam masyarakat kini tidak ada hadnya.

Dengan tidak mengabaikan tugas-tugas sebagai isteri dan ibu, kaum wanita zaman kini juga memainkan peranan dalam pembangunan negara dan masyarakat. Wanita Malaysia kini terdapat di mana-mana, dalam berbagai-bagai sektor dan kegiatan, memegang berbagai-bagai jawatan dan memikul berbagai-bagai tanggungjawab. Tetapi, disebalik dunia yang serba baru, dengan seribu macam cabaran, wanita Malaysia tetap dengan sifat-sifat ketimurannya. Inilah satu tradisi yang harus kita pertahankan. Walau betapa tinggi kita terbang, kita tidak harus lupa pada bumi yang dipijak.

Puan-puan dan tuan-tuan,

6. Malam ini kita bertemu untuk bersama-sama menyertai satu lagi kegiatan anjuran Persatuan Siswazah Wanita Malaysia, iaitu untuk mendengar ceramah dalam Siri Ceramah Tahunan. Siri Ceramah ini, yang saya lancarkan dalam tahun 1981, telah berjaya menarik perhatian masyarakat kepada beberapa persoalan penting. Antara bidang-bidang yang telah diliputi dalam Siri Ceramah ini ialah undang-undang, wanita dalam konteks dunia antarabangsa, urusanniaga dan hal ehwal mendidik anak-anak, yang disampaikan oleh tokoh-tokoh dan cerdik-pandai dari dalam dan juga luar negeri. Saya difahamkan yang ceramah-ceramah ini amat relevan dengan ahli-ahli Persatuan, bukan sahaja sebagai wanita, tetapi yang lebih penting, sebagai warganegara yang sedar dan bertanggungjawab.

7. Pada malam ini perhatian kita akan dibawa kepada satu lagi persoalan yang amat relevan dengan keadaan di negara kita, iaitu Pembangunan. Masyarakat kita memang telah dan sedang mengalami kesan pembangunan negara, daripada semua segi -- politik, ekonomi dan sosial. Semua usaha

pembangunan dibuat dengan tujuan murni agar rakyat mengecapi nikmatnya. Sebentar lagi kita akan mendengar analisa terhadap gejala pembangunan ini, dibuat oleh seorang tokoh masyarakat kita yang bukan saja terlibat secara langsung dengan proses pembangunan ini, tetapi yang juga amat berpengalaman dan matang dalam bidang pendidikan dan pentadbiran.

8. Pada pendapat saya, memang kena pada tempatnya Persatuan kita meminta Tan Sri Datuk (Dr.) Haji Arshad mengulas dan mengupas soal pembangunan negara sebagai seorang yang telah terlibat secara langsung di 'frontier' bidang-bidang ini -- kadang-kadang mengasaskan sesuatu institusi atau projek ke arah memesatkan lagi pembangunan negara, dan kadang-kadang menggerak dan memajukan projek-projek pembangunan yang telah dimulakan.

9. Oleh itu saya percaya kita akan memperolehi manfaat daripada pengalaman beliau yang amat luas dalam bidang- bidang ini.

Puan-puan dan tuan-tuan,

10. Saya akhiri ucapan ini dengan sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Persatuan Siswazah Wanita Malaysia di atas kesesuaian tajuk ceramah dan kebijaksanaan memilih penceramah untuk mengupas tajuk ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.